



TAKLIMAT
...Raja Nong Chik (dua dari kanan) diberi maklumat mengenai ruang menunggu Hentian Puduraya, semalam.

Peniaga haram bertempiaran

KUALA LUMPUR: Beberapa peniaga haram berhampiran Hentian Puduraya di sini, bertempiaran lari apabila Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin melakukan lawatan kerja melihat perkembangan projek penyediaan kawasan istirehat penumpang di hentian itu, semalam.

Dipercayai, peniaga haram terbabit menjadi 'm-m-kabut' berikutan menyedari pegawai penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melakukan operasi pembersihan teras kegiatan mereka.

Sementara itu, mengulas lawatan itu, Raja Nong Chik berkata, beliau berpuas hati dengan kerja membina ruang me-

nunggu disediakan di tingkat dua hentian berkenaan yang dijangka siap sepenuhnya sebelum sambutan Aidilfitri September ini.

"Ruang menunggu berhawa dingin ini mampu memuatkan 700 pengunjung pada satu-satu masa dan dilengkapi pelbagai kemudahan antaranya gerai makanan, minuman dan kiosk apabila siap nanti.

"Kami menjangkakan apabila siap nanti, tempat menunggu ini memberi keselesaan kepada pengguna," katanya.

Turut serta dalam lawatan itu, Timbalannya, Datuk M Saravanan; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Fuad Ismail dan Ketua Pengarah DBKL, Datuk Salleh Yusop.